



## PRACTITIONER RESEARCH

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/pr>

How to cite this article:

Cally, P., & Haron, M. Z. (2025). Hubungan persekitaran sosial dengan tingkah laku dalam kalangan guru pelatih di Universiti Utara Malaysia. *Practitioner Research*, 7, July, 156-168. <https://doi.org/10.32890/pr2025.7.12>

### HUBUNGAN PERSEKITARAN SOSIAL DENGAN TINGKAH LAKU DALAM KALANGAN GURU PELATIH DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

*(The Relationship between Social Environment and Behaviour  
among Trainee Teachers at Universiti Utara Malaysia)*

<sup>1</sup>Peaceca Cally & Muhd Zulhlmi Haron

Pusat Pengajian Pendidikan  
Universiti Utara Malaysia, Malaysia

<sup>1</sup>Corresponding author: [peaceca\\_anak\\_c@soe.uum.edu.my](mailto:peaceca_anak_c@soe.uum.edu.my)

Received: 31/1/2025

Revised: 2/4/2025

Accepted: 3/6/2025

Published: 31/7/2025

#### ABSTRAK

Persekitaran sosial memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku generasi muda selain mempengaruhi perkembangan moral, nilai, dan sumbangan masa depan mereka kepada masyarakat berbilang budaya. Namun, isu sosial seperti penyalahgunaan bahan, buli siber, dan jenayah juvana terus memberi kesan negatif kepada pembangunan moral dan sosial generasi muda. Kekurangan pendekatan yang proaktif untuk mengatasi pengaruh sosial negatif di institusi pendidikan memudaratkan pembentukan akhlak dan profesionalisme guru pelatih secara berkesan. Walaupun kajian-kajian lepas telah melihat persekitaran sosial yang mempengaruhi tingkah laku pelajar, kajian mengenai tingkah laku guru pelatih masih terhad. Kajian ini meneliti hubungan antara persekitaran sosial dengan tingkah laku dalam kalangan guru pelatih di Universiti Utara Malaysia. Kajian ini memberi tumpuan kepada faktor pengaruh ibu bapa, rakan sebaya, dan institusi pengajian tinggi dalam membentuk tingkah laku guru pelatih sebagai bakal pendidik. Pendekatan kuantitatif digunakan menerusi soal selidik yang diedarkan kepada 226 responden, yang dipilih secara pensampelan rawak mudah. Dapatan kajian mendapati bahawa persekitaran sosial memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tingkah laku guru pelatih, dengan faktor pengaruh ibu bapa, rakan sebaya, dan institusi pengajian tinggi memberikan impak yang signifikan. Kajian ini menyerlahkan kepentingan menyediakan persekitaran sosial yang menyokong demi memastikan pembentukan akhlak dan profesionalisme guru yang positif. Implikasi kajian ini meliputi cadangan untuk merangka intervensi dan dasar pendidikan yang menyeluruh bagi menyokong perkembangan tingkah laku positif dalam kalangan guru pelatih. Kajian ini juga menyumbang kepada perbincangan lebih meluas tentang hubungan antara faktor sosial dengan tingkah laku profesional, secara tidak langsung memberikan input yang bernilai kepada pihak penggubal dasar dan pakar pendidikan.

**Kata kunci:** Persekitaran sosial, tingkah laku, guru pelatih, institusi pengajian tinggi, pembangunan moral dan profesionalisme.

## ABSTRACT

*The social environment plays an important role in shaping the behaviour of the younger generation, in addition to influencing their moral development, values, and future contributions to a multicultural society. However, social issues such as substance abuse, cyberbullying, and juvenile crime continue to have negative effects on the moral and social development of young people. The lack of proactive approaches to addressing negative social influences within educational institutions undermines the effective formation of moral character and professionalism among trainee teachers. Although previous studies have examined social environments that influence student behaviour, research focusing on the behaviour of trainee teachers remains limited. This study examines the relationship between the social environment and behaviour among trainee teachers at Universiti Utara Malaysia. It focuses on the influence of parents, peers, and higher education institutions in shaping the behaviour of trainee teachers as future educators. A quantitative approach was employed through a questionnaire distributed to 226 respondents selected using simple random sampling. The findings indicate that the social environment plays a significant role in influencing the behaviour of trainee teachers, with parental influence, peer influence, and higher education institutions having a significant impact. This study highlights the importance of providing a supportive social environment to ensure the development of positive moral character and professionalism among teachers. The implications of the study include recommendations for designing comprehensive interventions and educational policies to support the development of positive behaviour among trainee teachers. The study also contributes to broader discussions on the relationship between social factors and professional behaviour, indirectly offering valuable insights to policymakers and education experts.*

**Keywords:** *Social environment, behaviour, trainee teachers, higher education institutions, moral and professional development.*

## PENGENALAN

Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum telah mencapai kemajuan yang mengagumkan hasil kerjasama dan perpaduan yang terjalin sejak kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Kepelbagaian budaya, etnik, dan kepercayaan menjadi asas kepada identiti nasional, yang didasari oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan perpaduan dalam kepelbagaian sebagai tunjang sistem pendidikan negara. Sharifah Nur Abu dan Kamarul Arifin Azhar (2024) menekankan konsep "Bangsa Malaysia" yang mengetengahkan integrasi kepelbagaian budaya dalam pendidikan bagi membentuk identiti nasional yang kukuh. Generasi muda kini memainkan peranan penting dalam memelihara nilai tradisional dan mengekalkan identiti ini di tengah-tengah arus pemodenan.

Sebagai tulang belakang pembangunan negara, generasi muda amat penting dalam memastikan kelestarian kemajuan Malaysia. Pendidikan yang menyeluruh meliputi kecemerlangan akademik, kemahiran teknikal, kompetensi sosial, dan nilai etika yang merupakan tunjang kepada pembentukan identiti yang seimbang. Persediaan ini bukan sahaja menyokong pencapaian profesional, tetapi juga mengukuhkan daya tahan dan integriti moral. Ratri dan Najicha (2022) menegaskan bahawa tingkah laku golongan muda mempunyai pengaruh besar terhadap keadaan semasa serta hala tuju masa depan negara. Oleh itu, persekitaran sosial memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku positif atau negatif dalam kalangan generasi ini.

Persekitaran sosial yang merangkumi kepercayaan, norma, nilai, dan budaya, memberi kesan mendalam terhadap tingkah laku individu. Persekitaran ini yang sentiasa berubah menimbulkan cabaran, khususnya kepada generasi muda yang sedang mengadaptasikan diri dengan kompleksitinya. Ahmad Zahiruddin dan Wan Nasyrudin (2021) menekankan bahawa zaman remaja adalah fasa penting dalam menentukan hala tuju kehidupan, dengan kesan jangka panjang yang berakar daripada persekitaran sosial yang dialami pada tahap ini. Sistem sokongan yang berkesan, termasuk keluarga, rakan sebaya, dan institusi pendidikan, adalah penting untuk membimbing generasi muda ke arah tingkah laku positif serta mengurangkan risiko pengaruh negatif.

Tingkah laku golongan muda, khususnya pelajar universiti, semakin mendapat perhatian berikutan peningkatan isu sosial yang melibatkan kumpulan ini. Walaupun mereka berpotensi menjadi pemimpin masa depan, pelajar sering terjerumus dalam masalah sosial seperti buli siber, penyalahgunaan dadah, vandalisme, dan tingkah laku menyimpang lain. Isu-isu ini bukan sahaja merugikan individu, tetapi juga memberi kesan negatif kepada keluarga, institusi pendidikan, dan masyarakat secara keseluruhannya. Haslindawati Saari et al. (2021) menyatakan bahawa masalah sosial, jika tidak ditangani, akan menggugat norma masyarakat dan menghalang pembangunan lestari. Di Malaysia, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2023) melaporkan lebih daripada 15,000 kes jenayah melibatkan belia, menunjukkan keperluan mendesak untuk menangani isu ini.

Persekitaran keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku, terutama semasa usia remaja. Walau bagaimanapun, trend masyarakat masa kini menunjukkan kekurangan perhatian dan bimbingan ibu bapa, yang menyumbang kepada peningkatan masalah sosial dalam kalangan golongan muda. Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (2023), ribuan kanak-kanak dikenal pasti sebagai memerlukan penjagaan, perlindungan, atau pemulihan akibat keadaan keluarga yang tidak kondusif. Mariani Omar dan Aiman Syahirah (2021) berhujah bahawa kekurangan penglibatan ibu bapa boleh membawa kepada masalah tingkah laku, sekali gus menekankan keperluan sokongan kekeluargaan yang lebih kukuh untuk pembangunan positif.

Rakan sebaya turut memberi pengaruh besar terhadap tingkah laku golongan muda, khususnya semasa di universiti, apabila pelajar sering mengutamakan hubungan dengan rakan berbanding interaksi keluarga. Normadiana et al. (2021) menekankan bahawa pergantungan pelajar kepada sokongan rakan sebaya boleh membawa kepada hasil tingkah laku yang positif atau negatif. Selain itu, institusi pengajian tinggi semakin prihatin terhadap masalah sosial dalam kalangan pelajar, seperti kes buli yang berlaku di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), yang menonjolkan keperluan langkah proaktif untuk menangani isu ini. Tingkah laku guru pelatih, khususnya, perlu diberikan perhatian yang lebih mendalam kerana tindakan mereka bukan sahaja mempengaruhi perkembangan profesional diri sendiri, tetapi juga murid-murid yang akan mereka bimbing kelak.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dilakukan bagi mencapai objektif kajian yang berikut:

1. Mengenal pasti tahap persekitaran sosial yang mempengaruhi guru pelatih.
2. Mengenal pasti tahap tingkah laku yang ditunjukkan oleh guru pelatih.
3. Mengenal pasti hubungan antara persekitaran sosial dengan tingkah laku terhadap guru pelatih.


## SOROTAN LITERATUR

### Teori Pembelajaran Sosial

Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura menyatakan bahawa individu mempelajari tingkah laku, sikap, dan nilai melalui pemerhatian dan peniruan dalam konteks sosial. Menurut Bandura (2007), pembelajaran berlaku melalui interaksi dinamik antara faktor kognitif, tingkah laku, dan persekitaran, yang beliau istilahkan sebagai determinisme timbal balik. Eksperimen asas yang menggambarkan teori ini ialah kajian anak patung Bobo oleh Bandura, di mana kanak-kanak yang menyaksikan model dewasa yang agresif menunjukkan tingkah laku agresif yang serupa. Eksperimen ini menonjolkan bagaimana pendedahan kepada model peranan, sama ada ibu bapa, guru, atau rakan sebaya yang berperanan penting dalam membentuk tingkah laku. Bandura menekankan empat proses yang penting dalam pembelajaran pemerhatian: perhatian, ingatan, penghasilan semula, dan motivasi. Perhatian merujuk kepada keupayaan untuk menumpukan perhatian kepada tingkah laku yang sedang dimodelkan, ingatan berkaitan dengan penyimpanan tingkah laku itu dalam memori, penghasilan semula merujuk kepada keupayaan untuk meniru tingkah laku tersebut, dan motivasi menentukan kemungkinan individu untuk melibatkan diri dalam tingkah laku tersebut. Kesemua komponen ini secara kolektif menerangkan bagaimana interaksi sosial dan rangsangan luaran memberi impak yang mendalam terhadap tingkah laku individu. Rajah 1 di bawah menunjukkan kitaran proses bagaimana teori pembelajaran sosial berlaku terhadap individu.

### Rajah 1

#### *Kitaran Proses Teori Pembelajaran Sosial*



Dalam konteks guru pelatih, teori Bandura menekankan pentingnya pemodelan tingkah laku positif dalam persekitaran pendidikan. Guru pelatih memerhati amalan mentor dan rakan sebaya mereka, menginternalisasikan amalan tersebut sebagai panduan untuk peranan mereka pada masa hadapan. Selain itu, Bandura (1974) mengkritik pendekatan reduksionis dalam behaviorisme, yang mengabaikan proses kognitif dan keupayaan pengawalan diri dalam membentuk tingkah laku manusia. Beliau memperkenalkan konsep kecekapan sendiri, yang merujuk kepada kepercayaan individu terhadap kebolehan mereka untuk mencapai hasil yang diinginkan. Kecekapan sendiri ini amat penting bagi guru pelatih, mempengaruhi ketahanan mereka dalam menguruskan dinamik bilik darjah dan kesediaan mereka untuk berinovasi dalam strategi pengajaran. Oleh itu, teori Bandura menawarkan rangka kerja yang komprehensif untuk memahami bagaimana elemen sosial dan kognitif bersatu untuk membentuk tingkah laku, terutamanya dalam profesion yang melibatkan interaksi interpersonal.

## **Hubungan antara Persekitaran Sosial dengan Tingkah Laku**

Hubungan antara persekitaran sosial dan tingkah laku telah diterima dalam penyelidikan tingkah laku, dengan banyak kajian-kajian lepas mengesahkan sifatnya yang dua hala. Persekitaran sosial menyediakan konteks di mana individu membangunkan norma, nilai, dan harapan yang seterusnya membimbing tindakan mereka. Contohnya, dalam bidang pendidikan, persekitaran sosial yang positif yang ditandai dengan rasa hormat dan kerjasama dapat merangsang tingkah laku konstruktif seperti kreativiti dan pemikiran kritikal. Sebaliknya, persekitaran yang bermusuhan atau tidak peduli boleh menyebabkan tingkah laku yang tidak produktif seperti ketidakpedulian atau penentangan. Menurut Zuraidah Abdullah (2016), persekitaran keluarga memberi pengaruh besar terhadap tingkah laku pelajar, dengan penglibatan dan sikap ibu bapa memainkan peranan penting. Interaksi keluarga yang positif merangsang pencapaian akademik dan kemahiran sosial, manakala interaksi negatif, seperti pengabaian atau kritikan, boleh menghalang perkembangan peribadi.

Dalam bidang pendidikan guru, persekitaran sosial memberi impak yang besar. Guru pelatih terlibat dalam persekitaran institusi di mana interaksi dengan mentor, rakan sebaya, dan kakitangan pentadbiran membentuk identiti profesional dan tingkah laku mereka. Rozmi Ismail et al. (2017) mendapati bahawa faktor sosial sering lebih berpengaruh daripada ciri individu dalam mempengaruhi hasil tingkah laku, terutamanya dalam kalangan remaja dan dewasa muda. Hal ini menekankan keperluan untuk institusi pendidikan membangunkan persekitaran yang menggalakkan hubungan yang menyokong dan maklum balas yang konstruktif. Bagi guru pelatih, elemen-elemen ini sangat penting dalam membentuk tingkah laku profesional seperti keupayaan untuk menyesuaikan diri, empati, dan pengambilan keputusan yang beretika, yang amat diperlukan dalam pengajaran yang berkesan.

## **Faktor yang Mempengaruhi Tingkah Laku Guru Pelatih**

Beberapa faktor memberi pengaruh terhadap tingkah laku guru pelatih, dengan pengaruh ibu bapa menjadi salah satu yang paling signifikan. Ibu bapa bertindak sebagai agen sosial utama, memberi sokongan emosi dan menetapkan norma tingkah laku. Penyelidikan oleh Ahmad Faqih et al. (2019) menunjukkan bahawa kehangatan dan penglibatan ibu bapa dikaitkan dengan kejadian tingkah laku devian yang lebih rendah dalam kalangan remaja. Namun, kritikan yang berlebihan atau pengabaian boleh membawa kepada kesan negatif, seperti rendahnya harga diri atau penentangan terhadap autoriti. Bagi guru pelatih, galakan ibu bapa sering diterjemahkan kepada keyakinan yang lebih tinggi dan komitmen terhadap peranan profesional mereka. Hubungan ini menonjolkan kepentingan memupuk dinamik keluarga yang positif sebagai asas untuk membangunkan pendidik masa hadapan.

Pengaruh rakan sebaya juga memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku guru pelatih. Absha Atiah dan Mohd Isa (2019) menyatakan bahawa kumpulan rakan sebaya berfungsi sebagai titik rujukan yang signifikan, terutamanya semasa peringkat remaja dan dewasa muda, di mana individu sangat terdedah kepada pengaruh sosial. Interaksi rakan sebaya yang positif boleh meningkatkan kemahiran kerjasama, empati, dan rasa kekitaan, yang kesemuanya penting dalam pengajaran. Namun, pengaruh negatif daripada rakan sebaya, seperti pendedahan kepada tingkah laku yang tidak profesional, boleh merosakkan sifat-sifat ini. Bagi guru pelatih, interaksi rakan sebaya dalam persekitaran akademik dan sosial menyediakan peluang untuk memodelkan dan mengukuhkan tingkah laku positif, menekankan peranan rangkaian sokongan rakan sebaya dalam pembangunan profesional.

Budaya institusi adalah faktor utama lain yang mempengaruhi tingkah laku guru pelatih. Institusi pendidikan tinggi membentuk nilai dan amalan profesional pelatih melalui kurikulum, bimbingan, dan dasar institusi. Manzoor et al. (2021) menekankan bagaimana reputasi dan struktur sokongan sesebuah universiti memberi

impak besar terhadap penglibatan dan hasil tingkah laku pelajar. Institusi yang mengutamakan inklusiviti, inovasi, dan pembelajaran berterusan mencipta persekitaran yang menggalakkan pelatih untuk cemerlang. Sebaliknya, budaya institusi yang kaku atau tidak menyokong boleh mengekang kreativiti dan mengehadkan pertumbuhan profesional. Bagi guru pelatih, budaya institusi yang positif bukan sahaja meningkatkan kemahiran pedagogi mereka tetapi juga menanamkan komitmen terhadap pembelajaran sepanjang hayat dan amalan pengajaran yang etikal.

## **METODOLOGI**

### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk penyelidikan dan kaedah yang digunakan dalam kajian ini berasaskan pendekatan kuantitatif, dengan menggunakan kaedah tinjauan deskriptif untuk menganalisis dan mentafsir data. Penyelidikan kuantitatif dicirikan oleh fokus kepada analisis statistik, penilaian objektif, dan dapatan yang berorientasikan hasil. Kaedah tinjauan deskriptif amat sesuai untuk kajian yang bertujuan untuk menerangkan dan menganalisis pola, hubungan, dan tren dalam kalangan kumpulan yang besar. Seperti yang dinyatakan oleh Sheppard (2020), reka bentuk sebegini membolehkan penyelidik untuk membuat generalisasi dapatan kepada populasi yang lebih luas melalui pengumpulan dan analisis data yang sistematik. Kajian ini menggunakan kedua-dua teknik statistik deskriptif dan inferensi, di mana analisis deskriptif meringkaskan set data untuk mengenal pasti tren, manakala kaedah inferensi digunakan untuk menentukan hubungan antara pemboleh ubah dan menguji hipotesis. Dengan menggunakan pendekatan ini, penyelidik memastikan metodologi yang berstruktur yang memberikan wawasan mengenai interaksi antara persekitaran sosial dan tingkah laku guru pelatih.

### **Populasi dan Pensampelan Kajian**

Populasi kajian terdiri daripada 554 orang guru pelatih di bawah Ijazah Sarjana Muda Pendidikan yang mengikuti program pendidikan di Universiti Utara Malaysia (UUM). Sampel kajian ini mewakili demografi yang pelbagai, seperti kepelbagaian aspek dari segi jantina, umur, bangsa, dan kedudukan keluarga. Pengambilan sampel dilakukan menggunakan teknik pensampelan rawak mudah seperti yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) bagi memastikan setiap individu mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih. Daripada jumlah populasi, 226 orang responden ditentukan sebagai saiz sampel yang mencukupi dan mewakili untuk memastikan kebolehppercayaan dan kebolehgeneralisasian statistik. Saiz sampel ini mencukupi untuk mengambil kira margin ralat dalam had yang boleh diterima, memastikan bahawa dapatan kajian mencerminkan dengan tepat ciri-ciri dan tingkah laku populasi yang lebih luas.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian ini merangkumi soal selidik berstruktur yang dibahagikan kepada tiga bahagian utama, iaitu maklumat demografi, faktor persekitaran sosial, dan tingkah laku guru pelatih. Soal selidik ini diubah suai dan diperhalusi daripada kajian terdahulu oleh Roselina Ismail (2003) yang memfokuskan kepada tingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar, dan diubah suai untuk disesuaikan dengan konteks guru pelatih. Bahagian A mengandungi lapan maklumat demografi responden, manakala Bahagian B mengukur persekitaran sosial menggunakan 12 item pada skala Likert lima mata. Bahagian C pula mengkaji kecenderungan tingkah laku dengan 13 item dengan menggunakan skala Likert berasaskan kekerapan. Struktur instrumen ini memastikan pengumpulan data yang menyeluruh seiring dengan objektif kajian. Selain itu, kesederhanaan dan kejelasan soal selidik ini membolehkan pengumpulan data yang efisien sambil memastikan ketepatan dan penglibatan peserta.

## Kajian Rintis

Kajian perintis telah dijalankan dengan 30 responden yang mewakili populasi sasaran tetapi tidak termasuk dalam sampel utama. Kajian awal ini bertujuan untuk menilai kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik. Cronbach alpha digunakan untuk mengukur konsistensi dalaman, yang menghasilkan nilai pekali 0.853, menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi. Kajian rintis ini juga memberi peluang untuk memperhalusi item yang kabur atau tidak jelas, memastikan instrumen ini berkesan dalam menangkap konstruk yang dimaksudkan. Maklum balas daripada proses ini mengesahkan bahawa tiada perubahan lanjut yang diperlukan, secara tidak langsung mengesahkan soal selidik untuk aplikasi yang lebih luas dalam kajian utama.

## Analisis Data

Analisis data dilakukan menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS) 27.0, memanfaatkan keupayaannya untuk analisis deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif, termasuk min, kekerapan, dan sisihan piawai, digunakan untuk merumuskan pemboleh ubah persekitaran sosial dan tingkah laku. Statistik inferensi, seperti analisis korelasi, digunakan untuk menguji hipotesis kajian dan menentukan hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas. Kaedah analisis ini membolehkan pengkaji untuk menarik wawasan yang bermakna dan membuat kesimpulan yang signifikan dari segi statistik dan seiring dengan objektif kajian. Penggunaan SPSS yang berstruktur memastikan ketepatan dan kecekapan bagi membolehkan pengkaji mentafsir dan menganalisis set data yang kompleks dengan berkesan. Tafsiran respons adalah berdasarkan skor min yang dikategorikan kepada tiga tahap, iaitu tahap rendah (1.00–2.33), sederhana (2.34–3.66), dan tinggi (3.67–5.00).

## DAPATAN KAJIAN

### Persekitaran Sosial

Jadual 1 membentangkan analisis deskriptif persekitaran sosial guru pelatih berdasarkan kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai (SD).

**Jadual 1**

*Taburan Responden Mengikut Kekerapan, Peratusan, Min, dan Sisihan Piawai bagi Persekitaran Sosial Guru Pelatih*

| Pernyataan Soalan                                                         | 1 (STS)        | 2 (TS)        | 3 (TP)        | 4 (S)       | 5 (SS)      | Min  | SP   | Tahap  |
|---------------------------------------------------------------------------|----------------|---------------|---------------|-------------|-------------|------|------|--------|
| 1. Saya mempunyai beberapa masalah serius dengan ibu bapa saya.           | 178<br>(78.8%) | 31<br>(13.7%) | 9<br>(4.0%)   | 7<br>(3.1%) | 1<br>(0.4%) | 1.33 | 0.74 | Rendah |
| 2. Saya mempunyai beberapa masalah serius dengan pensyarah saya.          | 176<br>(77.9%) | 32<br>(14.2%) | 12<br>(5.3%)  | 5<br>(2.2%) | 1<br>(0.4%) | 1.33 | 0.72 | Rendah |
| 3. Saya kurang serasi dengan bapa saya.                                   | 177<br>(78.3%) | 24<br>(10.6%) | 12<br>(5.3%)  | 6<br>(2.7%) | 7<br>(3.1%) | 1.42 | 0.94 | Rendah |
| 4. Saya kurang suka pergi ke universiti.                                  | 165<br>(73.0%) | 33<br>(14.6%) | 21<br>(9.3%)  | 4<br>(1.8%) | 3<br>(1.3%) | 1.44 | 0.84 | Rendah |
| 5. Saya mengalami banyak masalah yang serius dengan rakan sebaya.         | 165<br>(73.0%) | 33<br>(14.6%) | 21<br>(9.3%)  | 4<br>(1.8%) | 3<br>(1.3%) | 1.44 | 0.84 | Rendah |
| 6. Saya kurang serasi dengan ibu saya.                                    | 196<br>(86.7%) | 18<br>(8.0%)  | 9<br>(4.0%)   | 1<br>(0.4%) | 2<br>(0.9%) | 1.21 | 0.62 | Rendah |
| 7. Saya berasa kurang selesa apabila berada di universiti.                | 159<br>(70.4%) | 44<br>(19.5%) | 14<br>(6.2%)  | 6<br>(2.7%) | 3<br>(1.3%) | 1.45 | 0.83 | Rendah |
| 8. Saya terlibat dengan pertengkaran yang serius dengan ibu bapa saya.    | 189<br>(83.6%) | 26<br>(11.5%) | 6<br>(2.7%)   | 4<br>(1.9%) | 1<br>(0.4%) | 1.24 | 0.63 | Rendah |
| 9. Saya kurang serasi dengan rakan sebaya saya.                           | 162<br>(71.7%) | 38<br>(16.8%) | 18<br>(8.0%)  | 6<br>(2.7%) | 2<br>(0.9%) | 1.44 | 0.82 | Rendah |
| 10. Saya rasa pergi ke universiti adalah satu usaha yang kurang berbaloi. | 187<br>(82.7%) | 25<br>(11.1%) | 7<br>(3.1%)   | 2<br>(0.9%) | 5<br>(2.2%) | 1.29 | 0.77 | Rendah |
| 11. Saya kurang suka berada di rumah.                                     | 174<br>(77.0%) | 27<br>(11.9%) | 17<br>(7.5%)  | 4<br>(1.8%) | 4<br>(1.8%) | 1.39 | 0.84 | Rendah |
| 12. Bagi saya, adalah sukar untuk mendapatkan kawan-kawan.                | 149<br>(65.9%) | 35<br>(15.5%) | 28<br>(12.4%) | 8<br>(3.5%) | 6<br>(2.7%) | 1.62 | 1.01 | Rendah |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b>                                                 |                |               |               |             |             | 1.38 | 0.50 | Rendah |

Berdasarkan kepada Jadual 1, dapatan menunjukkan bahawa semua pernyataan menghasilkan skor min yang rendah, dengan min tertinggi (1.62, SD = 1.01) dilaporkan untuk pernyataan "Sukar untuk saya berkawan," mencerminkan tahap persetujuan yang rendah. Sebaliknya, min terendah (1.21, SD = 0.62) adalah untuk pernyataan "Saya tidak bergaul dengan ibu saya," juga pada tahap rendah. Majoriti responden tidak bersetuju atau sangat tidak bersetuju dengan kenyataan negatif mengenai persekitaran sosial mereka, mencadangkan isu minimum dalam bidang ini. Secara keseluruhannya, min bagi semua item ialah 1.38 (SD = 0.50), menunjukkan tahap persepsi masalah persekitaran sosial yang rendah dalam kalangan responden.

## Tingkah Laku

Jadual 2 menyediakan analisis deskriptif tingkah laku guru pelatih berdasarkan kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai (SD).

### Jadual 2

*Taburan Responden mengikut Kekerapan, Peratusan, Min, dan Sisihan Piawai bagi Tingkah Laku Guru Pelatih*

| Pernyataan                                                                                                                                                                | 1<br>TP        | 2<br>J        | 3<br>KK       | 4<br>K       | 5<br>SK      | Min  | SP   | Tahap  |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|---------------|---------------|--------------|--------------|------|------|--------|
| 1. Pernahkah anda mencederakan seseorang dengan teruk sehingga ia memerlukan rawatan doktor?                                                                              | 207<br>(91.6%) | 14<br>(6.2%)  | 2<br>(0.9%)   | 1<br>(0.4%)  | 2<br>(0.9%)  | 1.13 | 0.51 | Rendah |
| 2. Pernahkah anda terlibat dengan pergaduhan yang serius dengan pelajar lain di universiti?                                                                               | 208<br>(92%)   | 14<br>(6.2%)  | 3<br>(1.3%)   | 0            | 1<br>(0.4%)  | 1.11 | 0.42 | Rendah |
| 3. Pernahkah anda memperoleh sebarang faedah apabila menyatakan kepada seseorang bahawa kebaikan akan menimpa mereka, walaupun anda tidak memperoleh apa yang diinginkan? | 143<br>(63.3%) | 23<br>(10.2%) | 29<br>(12.8%) | 19<br>(8.4%) | 12<br>(5.3%) | 1.82 | 1.25 | Rendah |
| 4. Pernahkah anda memukul atau menyerang seorang pensyarah?                                                                                                               | 220<br>(97.3%) | 6<br>(2.7%)   | 0             | 0            | 0            | 1.03 | 0.16 | Rendah |
| 5. Pernahkah anda terlibat dalam pergaduhan, di mana sekumpulan rakan anda menyerang kumpulan yang lain?                                                                  | 212<br>(93.8%) | 10<br>(4.4%)  | 1<br>(0.4%)   | 1<br>(0.4%)  | 2<br>(0.9%)  | 1.10 | 0.48 | Rendah |
| 6. Pernahkah anda menggunakan pisau atau senjata atau benda lain untuk mendapatkan sesuatu daripada seseorang?                                                            | 213<br>(94.2%) | 9<br>(4.0%)   | 3<br>(1.3%)   | 0            | 1<br>(0.4%)  | 1.08 | 0.40 | Rendah |
| 7. Pernahkah anda mengambil dan menggunakan kereta yang bukan kepunyaan ahli keluarga anda tanpa kebenaran mereka?                                                        | 206<br>(91.2%) | 15<br>(6.6%)  | 3<br>(1.3%)   | 2<br>(0.9%)  | 0            | 1.12 | 0.43 | Rendah |
| 8. Pernahkah anda mengambil sesuatu bukan milik anda yang bernilai kurang daripada RM 50.00?                                                                              | 187<br>(82.7%) | 25<br>(11.1%) | 8<br>(3.5%)   | 4<br>(1.8%)  | 2<br>(0.9%)  | 1.27 | 0.70 | Rendah |
| 9. Pernahkah anda memasuki kawasan tanah atau bangunan kepunyaan seseorang, sungguhpun anda tidak sepatutnya berada di situ?                                              | 178<br>(78.8%) | 28<br>(12.4%) | 12<br>(5.3%)  | 7<br>(3.1%)  | 1<br>(0.4%)  | 1.34 | 0.76 | Rendah |
| 10. Pernahkah anda merosakkan harta benda universiti dengan sengaja?                                                                                                      | 207<br>(91.6%) | 17<br>(7.5%)  | 1<br>(0.4%)   | 0            | 1<br>(0.4%)  | 1.10 | 0.39 | Rendah |
| 11. Pernahkah anda melakukan kerosakan ke atas harta benda orang lain dengan sengaja?                                                                                     | 203<br>(89.8%) | 19<br>(8.4%)  | 3<br>(1.3%)   | 1<br>(0.4%)  | 0            | 1.12 | 0.40 | Rendah |
| 12. Pernahkah anda mencuri sesuatu barang yang berharga tanpa kebenaran dan membayar kepada pemiliknya?                                                                   | 204<br>(90.3%) | 18<br>(8.0%)  | 3<br>(1.3%)   | 1<br>(0.4%)  | 0            | 1.12 | 0.40 | Rendah |
| 13. Pernahkah anda mengambil sesuatu bukan milik anda yang bernilai lebih daripada RM 50.00?                                                                              | 203<br>(89.8%) | 15<br>(6.6%)  | 5<br>(2.2%)   | 2<br>(0.9%)  | 1<br>(0.4%)  | 1.15 | 0.53 | Rendah |
| Jumlah Keseluruhan                                                                                                                                                        |                |               |               |              |              | 1.19 | 0.32 | Rendah |

Dapatan menunjukkan bahawa semua item mendapat tahap nilai min yang rendah, dengan min tertinggi (1.82, SD = 1.25) diperhatikan untuk pernyataan "Pernahkah anda mendapat apa-apa faedah dengan memberitahu seseorang bahawa perkara yang baik akan berlaku kepada mereka, walaupun anda tidak mendapat apa yang awak mahukan?" Majoriti responden (63.3%) memilih "tidak pernah" untuk pernyataan ini. Min terendah (1.03, SD = 0.16) direkodkan bagi pernyataan "Pernahkah anda memukul atau menyerang pensyarah?" dengan 97.3% responden memilih "tidak pernah." Secara keseluruhannya, skor min bagi semua item ialah 1.19 (SD = 0.32), menunjukkan tahap tingkah laku bermasalah yang rendah dalam kalangan responden.

## Hubungan Persekitaran Sosial dengan Tingkah Laku Guru Pelatih

Jadual 3 membentangkan analisis inferensi yang mengkaji hubungan antara persekitaran sosial dan tingkah laku dalam kalangan guru pelatih.

**Jadual 3**

*Hubungan antara Persekitaran Sosial dengan Tingkah Laku Guru Pelatih*

| <b>Pemboleh ubah Responden</b> | <b>Min</b> | <b>SP</b> | <b>r</b> | <b>p</b> |
|--------------------------------|------------|-----------|----------|----------|
| Persekitaran Sosial            | 1.3842     | 0.50304   | -        | -        |
| Ibu Bapa                       | 1.3168     | 0.53614   | 0.257    | < 0.001  |
| Rakan Sebaya                   | 1.4985     | 0.74253   | 0.192    | 0.004    |
| Institusi Pengajian Tinggi     | 1.3772     | 0.57843   | 0.152    | 0.023    |
| Tingkah Laku                   | 1.1923     | 0.31813   | 0.243    | 0.05     |

Keputusan ujian Korelasi Pearson mendedahkan hubungan keseluruhan yang lemah tetapi positif ( $r = 0.243$ ,  $p < 0.05$ ) antara persekitaran sosial dan tingkah laku, yang membawa kepada penolakan hipotesis nol, yang menyatakan tiada hubungan yang signifikan. Secara khusus, persekitaran sosial yang melibatkan ibu bapa menunjukkan korelasi positif yang paling lemah ( $r = 0.257$ ,  $p < 0.01$ ), menunjukkan bahawa persekitaran ibu bapa yang menyokong boleh mempengaruhi tingkah laku guru pelatih. Persekitaran sosial rakan sebaya mempamerkan korelasi yang lebih lemah ( $r = 0.192$ ,  $p < 0.01$ ), mencadangkan kesan minimum terhadap tingkah laku. Begitu juga, persekitaran sosial institusi (IPT) menunjukkan hubungan positif yang lemah ( $r = 0.152$ ,  $p < 0.05$ ), menonjolkan hubungan kecil antara persekitaran institusi dan tingkah laku guru pelatih. Secara keseluruhannya, penemuan menunjukkan hubungan yang ketara tetapi lemah merentas semua dimensi persekitaran dan tingkah laku sosial.

## PERBINCANGAN

Kajian ini menyelidik hubungan di antara persekitaran sosial dan tingkah laku guru pelatih di UUM. Seramai 226 orang responden yang dipilih daripada kursus pengajian yang berbeza telah menyediakan sampel yang pelbagai untuk menganalisis hubungan signifikan antara faktor persekitaran sosial, iaitu ibu bapa, rakan sebaya, dan institusi pengajian tinggi, dengan kecenderungan tingkah laku dalam kalangan guru pelatih. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persekitaran sosial yang positif dan kondusif memainkan peranan penting dalam mengurangkan kecenderungan terhadap salah laku sosial dalam kalangan guru pelatih. Hal ini menekankan peranan penting pengaruh luar dalam membentuk bukan sahaja sifat profesional tetapi juga nilai keperibadian dan etika bagi guru pelatih. Tumpuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan tersebut memberikan pandangan yang berguna untuk menangani cabaran tingkah laku melalui intervensi yang bertujuan memperbaiki faktor persekitaran sosial.

Ibu bapa merupakan antara pihak yang paling berpengaruh dalam membentuk tingkah laku guru pelatih, memandangkan mereka adalah agen sosialisasi utama semasa peringkat awal kehidupan. Kajian ini

menekankan bahawa walaupun kekurangan bimbingan ibu bapa atau persekitaran keluarga yang tidak kondusif boleh mendorong individu kepada salah laku sosial, pengaruh ini mungkin tidak penting seperti yang biasa dianggap. Kebanyakan responden melaporkan bahawa pengaruh ibu bapa mempunyai impak yang minimum terhadap tingkah laku sosial mereka, berbeza dengan kajian terdahulu yang menekankan peranan komunikasi dan pemantauan ibu bapa yang berkesan. Sebagai contoh, Ahmad Faqih et al. (2019) mendapati bahawa penglibatan ibu bapa yang tidak mencukupi sering memperburukkan isu tingkah laku masalah sosial, menunjukkan keperluan untuk penglibatan ibu bapa yang proaktif. Selain itu, isu seperti komunikasi keluarga yang lemah dan kurangnya sokongan emosi boleh menyumbang kepada tekanan dan strategi penyesuaian yang tidak berkesan dalam kalangan pelajar. Penemuan ini menyeru kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan ibu bapa, dengan menekankan kepentingan mewujudkan komunikasi terbuka dan memberikan bimbingan yang konsisten untuk mencegah masalah tingkah laku dalam kalangan guru pelatih.

Rakan sebaya memainkan peranan penting dalam perkembangan sosial guru pelatih, bertindak sebagai agen pengaruh utama sepanjang tempoh pengajian mereka. Memandangkan masa yang banyak dihabiskan bersama rakan sebaya dalam persekitaran akademik dan sosial, hubungan dengan rakan sebaya boleh memberi kesan yang mendalam terhadap tingkah laku, sama ada secara positif mahupun negatif. Walaupun kajian ini mendapati bukti yang terhad tentang salah laku sosial berkaitan rakan sebaya, kajian terdahulu menekankan sifat dwi pengaruh rakan sebaya. Sebagai contoh, Mohd Fikri Yazan (2021) menyatakan bahawa dinamik rakan sebaya sering menggalakkan tingkah laku berisiko, terutamanya dalam situasi berkumpul, yang menonjolkan potensi corak tingkah laku negatif. Sebaliknya, hubungan rakan sebaya yang menyokong dan positif boleh meningkatkan daya tahan emosi, penglibatan akademik, dan rasa kekitaan. Dapatan kajian ini yang menunjukkan peranan terhad rakan sebaya dalam mempengaruhi tingkah laku masalah sosial dalam kalangan guru pelatih, mencadangkan keperluan untuk meneroka faktor asas yang membezakan persekitaran rakan sebaya yang menyokong daripada yang menyumbang kepada salah laku. Penyelidikan yang lebih terperinci ini boleh membimbing intervensi yang bertujuan meningkatkan sistem sokongan rakan sebaya dalam institusi akademik.

Institusi pengajian tinggi (IPT) merupakan persekitaran yang penting untuk pembangunan akademik dan sosial guru pelatih. Institusi-institusi ini bukan sahaja menyediakan sumber pendidikan tetapi juga platform untuk interaksi interpersonal dan perkembangan profesional. Kajian ini mendapati bahawa walaupun IPT memainkan peranan dalam membentuk tingkah laku pelajar, pengaruhnya terhadap salah laku sosial adalah terhad. Kebanyakan responden melaporkan interaksi bermasalah yang minimum dalam persekitaran akademik mereka, menunjukkan bahawa IPT mungkin bukan faktor.

Utama dalam mempromosikan atau menghalang salah laku sosial. Walau bagaimanapun, kajian terdahulu menekankan kesan yang lebih meluas daripada budaya institusi dan sistem sokongan. Sebagai contoh, penyelidikan oleh Manzoor et al. (2021) menunjukkan bahawa imej institusi yang kukuh dan budaya kampus yang inklusif secara signifikan meningkatkan penglibatan pelajar dan tingkah laku positif. Penemuan ini menekankan kepentingan mewujudkan persekitaran kampus yang menyokong dan inklusif, dengan program yang mempromosikan kerjasama, bimbingan, dan pembangunan etika. IPT juga perlu mempertimbangkan dasar-dasar yang menggalakkan komunikasi terbuka dan menyediakan sumber untuk menangani cabaran sosial dan emosi yang dihadapi oleh guru pelatih.

Tingkah laku guru pelatih sangat dipengaruhi oleh persekitaran sosial mereka, dengan kajian ini mendedahkan tahap salah laku sosial yang rendah dalam kalangan responden. Penemuan ini selari dengan pandangan bahawa pengukuhan positif dalam persekitaran sosial menyumbang kepada tingkah laku yang bertanggungjawab dan beretika. Pengaruh ibu bapa, rakan sebaya, dan IPT memainkan peranan yang penting, walaupun dengan tahap yang berbeza-beza. Sebagai contoh, walaupun bimbingan ibu bapa sering membentuk asas tingkah laku beretika, kajian ini menonjolkan bahawa pengaruhnya mungkin berkurangan apabila individu beralih ke peringkat pendidikan tinggi. Begitu juga, walaupun hubungan rakan sebaya boleh menyokong atau menghalang perkembangan peribadi, kajian ini mendapati bukti terhad tentang rakan sebaya yang menyumbang kepada tingkah laku negatif dalam kalangan guru pelatih. Hal ini menunjukkan kemungkinan kewujudan faktor tambahan yang mempengaruhi tingkah laku, seperti daya tahan individu dan motivasi intrinsik.

Kajian ini juga menekankan implikasi yang lebih luas daripada persekitaran sosial yang menyokong. Penyelidik seperti Ahmad Fuad et al. (2024) mencadangkan bahawa persekitaran yang menggalakkan komunikasi terbuka, sokongan emosi, dan interaksi secara kolaboratif secara signifikan mengurangkan tekanan dan tindak balas emosi yang negatif. Hal ini amat penting dalam konteks guru pelatih, yang peranannya memerlukan bukan sahaja kecekapan akademik tetapi juga keupayaan untuk menangani dinamik sosial dan profesional yang kompleks. Penemuan ini menyeru kepada strategi komprehensif yang menangani faktor individu dan sistemik untuk mempromosikan tingkah laku positif dalam kalangan guru pelatih.

Kajian ini juga menekankan implikasi yang meluas dalam pelbagai perspektif, termasuk bidang pendidikan moral, pemahaman teori, dan aplikasi secara praktikal. Dalam bidang pendidikan moral, penyelidikan ini menekankan keperluan untuk mengintegrasikan prinsip etika ke dalam kurikulum latihan perguruan melalui aplikasi kehidupan sebenar dan pembelajaran pengalaman. Program yang melibatkan aktiviti seperti perbincangan kumpulan, main peranan, dan penglibatan komuniti boleh membantu guru pelatih membangunkan penaaakuan etika yang kritikal dan kemahiran membuat keputusan. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan pemahaman moral tetapi juga menyediakan guru pelatih untuk menangani dilema etika dalam kehidupan profesional mereka.

Secara teori, kajian ini memperluas teori pembelajaran sosial oleh Bandura dengan menekankan hubungan antara tingkah laku yang diperhatikan dan interaksi sosial dalam pelbagai konteks. Sumbangan ini menyediakan kerangka kerja yang lebih komprehensif untuk memahami dinamika tingkah laku guru pelatih. Secara praktikal, penyelidikan ini mencadangkan pelaksanaan program yang berstruktur dalam IPT yang memfokuskan kepada kemahiran interpersonal, daya tahan emosi, dan penciptaan dasar institusi yang menyokong. Inisiatif seperti ini boleh merapatkan jurang antara pengetahuan teori dan aplikasi praktikal, memastikan guru pelatih bersedia untuk menangani keperluan profesion mereka.

Kajian masa depan perlu memperluaskan skopnya untuk merangkumi faktor sosial tambahan yang mempengaruhi tingkah laku pelajar. Faktor-faktor ini boleh merangkumi status sosioekonomi, norma budaya, dan pengaruh persekitaran digital. Menggabungkan kerangka teori alternatif, misalnya teori sosiobudaya Vygotsky atau hierarki keperluan Maslow, boleh memberikan pandangan yang lebih mendalam tentang mekanisme bagaimana persekitaran sosial membentuk tingkah laku. Dari segi metodologi, pendekatan kualitatif seperti temu bual, kumpulan fokus, dan kajian kes boleh menangkap pengalaman tersirat guru pelatih, menawarkan pemahaman yang lebih kaya tentang dinamik tingkah laku mereka.

Selain itu, memperluaskan penyelidikan yang merangkumi institusi pendidikan dan kawasan geografi yang berbeza akan meningkatkan kebolegunaan umum dapatan kajian. Dengan meneroka konteks budaya dan institusi yang pelbagai, kajian masa depan boleh mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku, menyediakan perspektif yang lebih holistik. Usaha ini akan menyumbang kepada pembangunan intervensi dan dasar yang didasarkan untuk meningkatkan hasil tingkah laku positif dalam kalangan guru pelatih.

## KESIMPULAN

Kajian ini menekankan peranan penting persekitaran sosial dalam membentuk tingkah laku guru pelatih. Walaupun pengaruh ibu bapa, rakan sebaya, dan IPT berbeza dalam tahap kesannya, dapatan kajian menonjolkan kepentingan mewujudkan konteks sosial yang positif dan menyokong. Dengan menangani cabaran dan memanfaatkan kekuatan dalam persekitaran ini, pihak berkepentingan dapat bekerjasama untuk mempromosikan tingkah laku etika dan profesional dalam kalangan guru pelatih. Pandangan kajian ini menyediakan asas yang bernilai untuk penyelidikan dan intervensi pada masa hadapan, dengan menekankan keperluan pendekatan holistik untuk memahami dan meningkatkan perkembangan sosial dan tingkah laku pendidik.

## RUJUKAN

- Aguilera-Hermida, A. P. (2020). College students' use and acceptance of emergency online learning due to Covid-19. *International Journal of Educational Research Open*, 1(1), 1-8. <https://doi.org/10.15405/ejsbs.288>
- Alchamdani Alchamdani, Fatmasari, Eka Rahmadani Anugrah, Nahda Putri Sari, Freddrika Putri, & Astina Astina. (2020). The impact of COVID19 pandemic on online learning process in the college at Southeast Sulawesi. *Jurnal Kesehatan Lingkungan*, 12(No. 1 Special Issue), 129-136. <https://doi.org/10.20473/jkl.v12i1si.2020.129-136>
- Blanson, K. L., Ntuli, E., & Blankson, J. (2020). *Handbook of research on creating meaningful experiences in online courses*. IGI Global.
- Brown, H. D. (2001). *Teaching by principles* (2nd ed.). Longman.
- Burkholder, G. J., Cox, K. A., Crawford, L. M., & Hitchcock, J. H. (2020). *Research design and methods: An applied guide for the scholar-practitioner*. Sage.
- Cohen, L., & Manion, L. (1989). *Research methods in education* (3rd ed.). Routledge.
- Chamorro-Premuzic, T. (2011). *Personality and individual differences* (2nd ed.). BPS Blackwell.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research* (4th ed.). Pearson.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Sage.
- Davis, B. G. (2009). *Tools for teaching* (2nd ed.). Jossey-Bass.
- Hayes, N. (2017). *Understand psychology*. John Murray Learning.
- Hue Dung, D. (2020). The advantages and disadvantages of virtual learning. *IOSR Journal of Research & Method in Education (IOSR-JRME)*, 10(3), 45-48. <https://doi.org/10.9790/7388-1003054548>
- Johnson, R. B., & Christensen, L. B. (2004). *Educational research: Quantitative, qualitative, and mixed approaches*. Allyn and Bacon.
- Khasturi Ramalingam, & Yeo, K. J. (2022). Influence of intrinsic and extrinsic motivation in learning among primary school students. *Central Asia and the Caucasus*, 23(1).

- Khairul Faiz Alimi, Abdul Halim Ayob, Abdurraouf Ramesh Abdullah, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, & Gunasegaran Karuppannan. (December, 2021). Effectiveness of English language E-learning among tertiary education students during the COVID-19 pandemic. 3L: Language, Linguistics, Literature: *The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, 27(4). <http://doi.org/10.17576/3L-2021-2704-05>
- Kelly, J., & Pohl, B. (2018). Using structured positive and negative reinforcement to change student behavior in educational settings in order to achieve student academic success. *Multidisciplinary Journal for Education, Social and Technological Sciences*.
- Maria Ana Mei Lestari. (2020). Teachers' reinforcement and students' perception to the teachers in English classroom. *Journal of English Language Teaching*.
- Mohd Ghani Awang. (2014). *Pedagogy for lecturers*. Universiti Malaysia Pahang.
- Nadia Ayub. (2010). Effect of intrinsic and extrinsic motivation on academic performance. *Pakistan Business Review*, 3, 363-372.
- Narges Adibsereshki, Somaye Jalil Abkenar, Mohammad Ashoor, & Mahmood Mirzamani. (2014). The effectiveness of using reinforcements in the classroom on the academic achievement of students with intellectual disabilities. *Journal of Intellectual Disabilities* 2015, 19(1), 83-93. <https://doi.org/10.1177/1744629514559313>
- National Institute of Open Schooling. (2012). *In Secondary course: Psychology* (222). India.
- Nurul Hidayati, Martin Kustati, & Luli Sari Yustina. (2019). The correlation of teachers' reinforcement and students' achievement in English learning process. *Turast: Jurnal Penelitian dan Pengabdian*, 7(1).
- Ormrod, J. E. (2016). *Human learning* (7th ed.). Pearson.
- Phunghai, K., & Boonmoh, A. (June, 2021). Students' perception towards the use of rewards to enhance their learning behaviours and self-development. *JEE (Journal of English Education)*, 7(1).
- Robson, C. (2000). *Real world research*. Blackwell.
- Ruzlan Md Ali, Fahainis Mohd Yusof, & Fuziah Shaffie. (2018). *Pengumpulan data kualitatif dalam penyelidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabarun, Laela Himah Nurbatra, Zaitun Qamariah, Hesty Widiastuty, & Aisyah Hafshah Saffura el-Muslimah. (2021). The relationship among intrinsic/extrinsic motivation and interest toward L2 writing performance at higher education. *Ilkogretim Online - Elementary Education Online*, 19(2), 60-68.
- Schunk, D., Meece, J., & Pintrich, P. (2014). *Motivation in education* (4th ed.). Pearson.
- Sumiati, T., Septiani, N., Widodo, S., & Caturiasari, J. (2019). Building children's learning motivation through positive reinforcement in science and math classroom. *Journal of Physics: Conference Series*, 1318, 012023.
- Tracy, S. J. (2013). *Qualitative research method: Collecting evidence, crafting analysis, communicating impact*. Wiley-Blackwell.
- Valarmathie Gopalan, Juliana Aida Abu Bakar, Abdul Nasir Zulkifli, Asmidah Alwi, & Ruzinoor Che Mat. (2017). *A review of the motivation theories in learning*. The 2nd International Conference on Applied Science and Technology 2017 (ICAST'17).